

03 NOV 1997

PSC SEDIAKAN LAPORAN PENSWASTAAN LIMBUNGAN KAPAL MESIR

KUALA LUMPUR, 3 Nov (Bernama) -- Penang Shipbuilding & Construction Sdn Bhd (PSC), syarikat di bawah kelolaan Datuk Amin Shah Omar Shah, akan menyediakan laporan mengenai penswastaaan Limbungan Kapal Alexandria di Mesir.

Satu perjanjian dimeterai hari ini dan kerajaan Mesir meminta syarikat itu menyerahkan cadangan penilaian perniagaan bagi limbungan berkenaan dalam tempoh enam bulan, daripada tarikh di mana Mesir akan memuktamadkan pelaksanaan penswastaaan itu, kata Amin Shah, pengerusi eksekutif Business Focus Sdn Bhd, syarikat induk PSC.

Cadangan itu akan merangkumi kemudahan seperti pembinaan dan pembaikan kapal, reka bentuk besi keluli, pergudangan, pembangunan zon bebas perdagangan dan kemudahan dingin beku, katanya selepas majlis permeterian itu yang dihadiri oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

PSC sedang menyediakan cadangan mengenai asas-asas kebenaran penswastaaan bagi sekurang-kurangnya 30 tahun untuk pemilikan ekuiti dalam negeri dan antarabangsa serta pengapungan jualan dan penyenaiaan.

Pelabur-pelabur asing dibenarkan pemilikan 100 peratus di bawah dasar pelaburan Mesir.

Setakat ini masih tiada penilaian jelas terhadap limbungan itu. Amin Shah berkata: "Ketika ini tiada sebarang harga ditetapkan, tetapi kami tahu penilaian daripada kerajaan Mesir adalah kira-kira AS\$50 juta (RM175 juta)."

Limbungan itu terletak di pelabuhan barat Pelabuhan Alexandria di perairan Mediterranean meliputi kawasan seluas 400,000 meter persegi dan mempunyai dermaga berukuran 1.2 kilometer.

Walaupun ia sebuah pelabuhan yang kukuh dan lengkap, "masih terdapat sedikit kerja-kerja yang perlu dilakukan," kata Amin Shah. "Laporan awal pertama yang dibuat oleh kami menunjukkan ia berdaya maju.

"Kami juga cuba meninjau pada kegiatan perkapalan komersial biasa. Selain daripada limbungan kapal itu, kami juga mengembangkan aktiviti kepada kerja-kerja kejuruteraan."

Limbungan itu mempunyai dua dermaga bagi kapal-kapal kargo seberat 20,000 tan (DWT) kapasiti dan kapal pengangkut pukal atau tanki sehingga seberat 35,000 DWT.

Kemudahan limbungan kapal itu boleh menampung kapal sehingga 10,000 DWT dalam limbungan kering kecil dan 85,000 DWT dalam limbungan moden besar. --

BERNAMA

JR ZK MA